**OTHMAN AHMAD**

**lwn.**

**SAMSUDIN HJ. MOHD. SANI & YANG LAIN**

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, SEREMBAN
FAIZA THAMBY CHIK H
[GUAMAN NO. GS 25-1-88]
11 MAC 1992

***GANTIRUGI:*** *Gantirugi umum - Pendekatan - Samada yang menyeluruh atau secara "juzuk" (component) - Kehilangan pendapatan - Kiraan gaji.*

***TORT:*** *Kecuaian sertaan - Liabiliti.*

Pada 14 August 1986, plaintif Othman b. Ahmad sedang memandu motosikal sendiri MR 8891 di Jalan Seremban-Tampin.

Di Batu 7 Jalan Seremban-Tampin, motosikal tersebut telah terlibat dengan satu pelanggaran dengan motolori NX 4252 yang dimiliki oleh defendan kedua, Md. Din b. Hj. Sahari dan dipandu oleh "servant atau agent"nya defendan pertama Samsudin b. Hj. Mohd. Sani yang memandu motolori tersebut.

Akibat pelanggaran itu, plaintif telah mendapat kecederaan dan telah dimasukkan ke hospital.

Kedua-dua pihak dalam kes ini, telah bersetuju mengenai gantirugi khas. Yang tinggal untuk ditentukan Mahkamah adalah gantirugi umum dan kehilangan pendapatan sahaja.

Antara lain, pihak defendan telah menghujahkan bahawa terdapat kecuaian sertaan (contributory negligence) di mana plaintif sepatutnya boleh nampak kehadiran lori tersebut pada jarak lebih daripada 4 kaki oleh kerana cuaca terang.

**Diputuskan:**
**[1]** Berdasarkan fakta, pihak defendan bertanggungjawab (liable) 100% dalam perlanggaran ini.

**[2]** Walau apapun, pendekatan yang digunakan dalam menentukan gantirugi umum, ianya mestilah berdasarkan fakta sesuatu kes untuk mengelakkan daripada penindihan (overlapping).

**[3]** Jumlah kehilangan pendapatan yang ditafsirkan haruslah mengambilkira jumlah gaji yang diterima oleh plaintif selepas pelanggaran tersebut.

*[Penghakiman kepada plaintif.]*

**Kes-kes yang dirujuk:**
*Seah Yit Chen v. Singapore Bus Service [1978] Ltd. & Ors. [1990] 3 CLJ (Rep) 965* ***(diikuti)***

**Perundangan yang dirujuk:**
Civil Law Act 1956, s. 28A(2)(d)(ii)

*Bagi pihak plaintif - Gunaratnam; T/n. Gunaratnam & Co.*
*Bagi pihak defendan - Fernandez; T/n. Fernandez & Partners.*

**PENGHAKIMAN**

**Faiza Thamby Chik H:**

Pada 14 Ogos 1986, plaintif Othman bin Ahmad pada masa itu berumur 36 tahun, sedang memandu motosikal sendiri MR 8891 di Jalan Seremban-Tampin, hendak balik ke kampongnya di Rembau menuju ke arah Tampin. Di Batu 7 Jalan Seremban-Tampin motosikal tersebut telah terlibat dengan satu pelanggaran dengan sebuah motolori NX 4252 yang dimiliki oleh defendan kedua Md. Din bin Hj. Sahari dan dipandu oleh "servant atau agent"nya defendan pertama Samsudin bin Hj. Mohd. Sani yang memandu motolori itu di Jalan Seremban-Tampin tersebut tetapi dari arah yang bertentangan seketika sebelum kemalangan itu berlaku. Pada masa pelanggaran itu plaintif sedang memandu menghala ke Tampin. Akibat dari pelanggaran itu, plaintif telah mendapat kecederaan dan telah dimasukkan ke hospital dan kecederaan ini seperti yang dihuraikan oleh Dr. D. Porkodi adalah seperti berikut:

(1) Abrasion over the anterior aspect of the right shoulder.

(2) Amputation of the right ring and little finger and tip of the right index finger.

(3) Fractures of the base of the right 1st metacarpal and shaft of the right 4th metac arpal.

(4) Fracture of the right ulna with dislocation of the elbow.

(5) Laceration over the lateral aspect of the right thigh.

(6) Compound comminuted fractures of the upper thirds of the right tibia and fibula and supracondylar fracture of the right femur.

(7) Perineal wound 5 cm.

Plaintif sendiri telah memberikan keterangan bersumpah di Mahkamah. Dalam keterangannya plaintif telah mengatakan bahawa pelanggaran itu berlaku pada kira-kira pukul 1.00 tengahari dan cuaca pada hari itu adalah terang. Plaintif mengatakan bahawa beliau dalam perjalanan pulang ke kampongnya di Rembau dan memandu motosikalnya bersendirian dari Temiang, Seremban menuju ke arah Tampin. Plaintif mengatakan bahawa beliau memandu motosikalnya di sebelah kiri jalan. Plaintif mengatakan bahawa apabila sampai di batu 7 Jalan Seremban-Tampin, tiba-tiba beliau nampak lori pihak defendan dari arah yang bertentangan memotong sebuah kereta yang berhadapan dengannya. Plaintif mengatakan bahawa beliau cuba mengelak ketepi tetapi dengan terlalu cepat lori tersebut menggesel beliau membuatkan beliau tercampak ke dalam semak dan tidak sedarkan diri. Pihak defendan pula tidak ada mengemukakan sebarang saksi tetapi telah memanggil semula SP1 dan SP3 dan kemudian menutup kesnya.

Dapat diperhatikan bahawa dalam kes ini, kedua-dua pihak telah bersetuju mengenai gantirugi khas (a) hingga (i) dan (k) dan berkaitan dengan (j) pula mereka telah bersetuju RM150 iaitu, perkara-perkara yang dibutirkan di bawah perenggan 5 dalam pernyataan tuntutan pihak plaintif. Dapat diperhatikan juga bahawa dalam kes ini, kedua-dua pihak juga telah bersetuju dengan laporan pakar seperti yang dibutirkan pada muka surat 3, 4, 5 dan 6 dalam Non-Agreed Bundle of documents yang dijadikan barang dalam kes dan ditandai 'B'. Jadi yang tinggal untuk ditentukan oleh Mahkamah dalam kes ini adalah gantirugi umum dan kehilangan pendapatan sahaja.

Dalam kes ini pihak defendan telah menghujahkan bahawa terdapat kecuaian sertaan (contributory negligence) di mana plaintif sepatutnya boleh nampak kehadiran lori tersebut pada jarak lebih daripada 4 kaki oleh kerana cuaca terang. Plaintif dalam keterangannya pula telah

menyatakan bahawa sungguhpun cuaca terang beliau hanya nampak kereta di hadapannya sahaja dan beliau tidak nampak lori yang berada di belakang kereta tersebut. Plaintif seterusnya menyatakan bahawa lori itu memotong kereta yang beliau nampak di hadapannya itu dengan cepat dan laju dan beliau telah mencuba mengelak ketepi tetapi telah digesel oleh lori tersebut dan terhumban ke dalam semak. Mengenai "liability", saya lebih cenderung untuk menerima versi (version) plaintif oleh kerana pihak defendan tidak memikirkan langsung bahawa pihaknya memotong sebuah kereta dengan cepat dan laju. Dan lagi apabila plaintif mengatakan dalam keterangannya bahawa semasa beliau nampak kereta di hadapannya dalam jarak 6 kaki, beliau pada masa itu berada dalam jarak 3 kaki dari pertengahan jalan dan beliau menerangkan dalam pemeriksaan semulanya, bagi jarak 3 kaki itu adalah sejauh 10 kaki dipersetujui oleh peguam yang bijaksana bagi pihak defendan. Oleh yang demikian, adalah munasabah bahawa sungguhpun cahaya terang pada hari kejadian itu, plaintif tidak nampak lori tersebut sebelum pelanggaran itu dan hanya nampak kereta di hadapannya. Tambahan pula lori tersebut adalah lori kecil. Maka adalah munasabah bahawa apabila plaintif tiba-tiba nampak lori tersebut memotong kereta itu, perkara itu berlaku sekali imbas sahaja. Kerananya saya memutuskan bahawa pihak defendan bertanggungjawab (liable) 100% dalam pelanggaran ini.

Mengenai gantirugi umum pihak peguambela yang bijaksana bagi pihak plaintif berhujah bahawa beliau ingin menerimapakai pendekatan yang menyeluruh iaitu satu bagi kecederaan ditangan dan satu lagi bagi kecederaan di kaki. Walau apa pun, pendekatan yang digunakan dalam menentukan gantirugi sama ada pendekatan yang menyeluruh ataupun pendekatan secara "juzuk" (component) dan dinilaikan setiap tajuk gantirugi dan kemudian dijumlahkan kesemuanya, ianya mestilah berdasarkan fakta sesuatu kes untuk mengelakkan daripada penindihan (overlapping) "when the injuries sustained are related to the same part of function of the body, there should only be one award of damages, without any risk of overlapping: where the injuries sustained are to different parts of the body and affect different functions as in the instant case where the plaintif has sustained injuries to the knee and to the spine, it would be appropriate to make a separate award for each head of damages. In such cases, however, care would still have to be taken to avoid a further 'sub-itemizing' of a head of damage or injury". (Lihat kes *Seah Yit Chen v. Singapore Bus Service [1978] Ltd. & Ors.* [1990] 3 CLLJ (Rep) 965, di muka surat 967).

***Pain and Suffering and Loss of Amenities***

The plaintif was hospitalised from 14 August 1986 to 4 December 1986 at the General Hospital Seremban and from 9 March 1987 and to 27 March 1987 at the Angkatan Tentera Hospital, underwent an operation plus skin grafting and plastering. His disabilities are 4.5 cm shortening of his right lower limb, permanent scars on his right and left thighs and right forearm, restriction of movement of his right knee. He cannot turn his foot inwards or outwards and the middle finger, right finger and little finger of his right hand were amputated. Plaintif walks with the help of crutches. A sum of RM35,000 is very fair.

***Kehilangan Pendapatan***

Plaintif berkhidmat dalam Kementerian Pertahanan Malaysia sebagai kakitangan awam mulai pada 10 Mac 1975. Plaintif adalah seorang Pelayan Mes Tingkatan Biasa sebelum dan selepas kemalangan dan mendapat gaji pokok sebanyak RM415 dan Elaun Khidmat Awam RM35 sebulan. Dari tarikh hari kemalangan (14 Ogos 1986) hinggalah 20 Julai 1987 beliau telah diberi cuti dengan bergaji penuh sementara dari 20 Julai 1987 hingga 12 Ogos 1987 beliau telah diberi cuti dengan separuh gaji dan pada 13 Ogos 1987 hingga 2 November 1987 beliau telah disahkan oleh pakar Othopedik, 94, Hospital Angkatan Tentera Kem Terendak, Melaka boleh

menjalankan tugas-tugas ringan dan oleh itu beliau telah dibayar semula gaji penuh dan EKA sehingga 2 November 1987. Beliau telah dibersarakan atas sebab-sebab kesihatan mulai 3 November 1987 atas sokongan Lembaga Perubatan Kementerian Pertahanan Malaysia.

Kedua-dua pihak bersetuju bahawa plaintif berumur 36 tahun semasa hari kejadian. Mengikut perkiraan di bawah s. 28A(2) (d) (ii) Akta 67, peguambela plaintif telah mengemukakan angka RM51,300 sebagai kehilangan pendapatan masa depan plaintif berdasarkan RM450 sebulan untuk 9 1/2 tahun "purchase". Ini adalah berpatutan. Tetapi dari hari kejadian, plaintif telah

menerima gajinya seperti berikut:

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| (1) | *Cuti Sakit (bergaji penuh)* | | | |
| | 14 Ogos 1986 hingga 31 Disember 1986 | = | 140 hari | RM2,100 |
| | 1 Januari 1987 hingga 29 Jun 1987 | = | 180 hari | RM2,700 |
| (2) | *Cuti Tahun (bergaji penuh)* | | | |
| | 30 June 1987 hingga 20 Julai 1987 | = | 18 hari | RM 270 |
| (3) | *Cuti Separuh Gaji* | | | |
| | 20 Julai 1987 hingga 12 Ogos 1987 | = | 23 hari (RM415-2) | RM4,772 |
| | | = | EKA (RM35) | RM 805 |
| (4) | *Tugas-tugas Ringan (bergaji penuh)* | | | |
| | 13 Ogos 1987 hingga 2 November 1987 | = | 82 hari | RM 1,230 |
| | | | | RM11,877.50 |

Jadinya kehilangan pendapatan masa depannya yang bersih adalah seperti berikut:

| | | | |
|---|---|---|---|
| | RM51,300 tolak $11,877.50 | = | RM39,422.50 |

Oleh hal yang demikian, saya memberikan penghakiman kepada plainitf seperti berikut:

| | | | |
|---|---|---|---|
| (1) | *Gantirugi Khas* (Dengan bunga 4% setahun bermula daripada tarikh kemalangan sehingga tarikh penghakiman ini) | - | RM 3,084 |
| (2) | *Gantirugi Umum* | | |
| | (a) Pain and Suffering and loss of Amenities (Dengan bunga 8% setahun bermula daripada tarikh menfailkan writ sehingga tarikh penghakiman ini) | - | RM35,000 |

| | | |
|---|---|---|
| (b) Kehilangan punca pendapatan masa depan | - | RM39,422.50 |
| | | RM77,506.50 |

Dan Kos.

Also found at [1992] 3 CLJ 1366